

TR 2:6:60

UCAPAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKENAAN DENGAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR MELALUI RADIO MALAYA PADA 6HB JUN, 1960

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya amatlah sukacitanya oleh sebab dapat peluang bercakap pada malam ini kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian berkenaan dengan dasar Kerajaan terhadap Pembangunan Luar Bandar.

Tuan-tuan sekalian masih lagi ingat bahawa di majlis pembukaan persidangan Parlimen yang akhir pada tahun 1959 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada masa itu telah bertitah bahawa Kerajaan baginda, iaitu Kerajaan Perikatan yang ada sekarang ini hendak menghimpunkan segala usaha dan tenaga bagi memajukan Negara, terutama sekali kawasan-kawasan di luar bandar. Baginda telah menyambung titah bahawa untuk mencapai tujuan hendak memajukan Negara ini dan menambah kemakmuran di kampung-kampung, Kerajaan Baginda berazam hendak menggunakan segala kepandaian dan tenaga seperti juga telah digunakan untuk menghancurkan segala ancaman parti komunis di Tanah Melayu ini. Tuan-tuan telah sedia maklum bahawa telah menjadi dasar Kerajaan Perikatan beberapa tahun yang lalu menggalakkan perusahaan-perusahaan orang-orang kita dalam negeri ini dan juga perusahaan-perusahaan serta penggunaan modal dari luar negeri supaya menambahkan hasil dan kemajuan negeri ini. Dengan adanya dasar yang semacam itu, ikhtiar-ikhtiar telah dijalankan supaya perusahaan-perusahaan di negeri ini bertambah banyak dan maju. Sekarang bermacam-macam jenis perusahaan sudah dijalankan di Tanah Melayu ini, kilang-kilang semakin banyak didirikan di bandar-bandar yang besar. Perusahaan-perusahaan kecil telah diadakan. Semua ini adalah mendatangkan hasil-hasil yang baik dan memberi pekerjaan kepada anak-anak negeri yang tidak ada pekerjaan.

Sambil menjalankan ikhtiar-ikhtiar dan usaha-usaha yang tersebut itu Kerajaan telah mengambil keputusan supaya menyusun semula dan membaiki ekonomi dan cara penghidupan di kawasan-kawasan di luar bandar, oleh sebab lebih daripada 60% anak negeri ini duduk di kampung-kampung dan di kawasan-kawasan luar bandar.

Oleh itu pada fikiran Kerajaan usaha hendak memajukan kawasan-kawasan di luar bandar ini adalah menjadi punca kesejahteraan penduduk-penduduk Negeri. Kerajaan berazam supaya penduduk-penduduk di kampung-kampung itu dapat hidup dalam keadaan yang lebih sempurna dan lebih baik daripada yang ada sekarang ini, supaya keadaan mereka itu tidak jauh bezanya dengan keadaan hidup orang-orang yang tinggal di kawasan-kawasan bandar.

Untuk mencapai tujuan ini Kerajaan telah menubuhkan sebuah Kementerian yang baharu yang dinamakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kewajipan Kementerian baharu ini yang pertama sekali ialah menyatukan tenaga-tenaga Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan dengan kemajuan luar bandar ini, supaya Jabatan-jabatan itu menjadi satu dan lebih sempurna, yang dikelolakan oleh satu pasukan yang mempunyai satu tujuan, iaitu untuk memajukan kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu Kerajaan telah menubuhkan Jawatan-jawatankuasa di peringkat Nasional, di peringkat Negeri dan di peringkat Jajahan supaya di semua peringkat-peringkat itu usaha dan tenaga Kerajaan dapat disatukan untuk melaksanakan dasar Kerajaan yang penting itu. Di peringkat Nasional badan ini dinamakan Majlis Pembangunan Luar Bandar Negara, dan Majlis ini diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Semua Menteri-menteri yang bersangkutan-paut dengan hal ehwal kawasan-kawasan luar bandar adalah menjadi ahli Majlis ini. Pekerjaan Majlis ini ialah menjalankan langkah supaya berbagai-bagai dasar Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan disatukan menjadi satu dasar yang besar mengikut tujuan Kerajaan untuk membaiki ekonomi, taraf hidup dan masyarakat orang-orang yang tinggal di kawasan luar bandar itu. Di peringkat Negeri pula badan atau pasukan itu dinamakan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri dan diketuai oleh Menteri Besar ataupun Ketua Menteri Negeri itu. Yang menjadi ahli-ahlinya iaitu beberapa orang wakil yang dipilih di dalam Negeri itu dan Ketua-ketua Jabatan yang

kerjanya bersangkut-paut dengan hal-ehwal kawasan-kawasan luar bandar. Badan Negeri ini adalah bertanggungjawab bagi menumpukan usaha Kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan-kawasan luar bandar dengan sebanyak-banyak yang terdapat. Di dalam tiap-tiap jajahan pula ada sebuah pasukan yang diketuai oleh Pegawai Jajahan. Pasukan inilah yang akan menjalankan dasar dan perintah-perintah Kerajaan terhadap pembangunan luar bandar. Sekarang badan-badan atau pasukan-pasukan ini telahpun ditubuhkan dan kita adalah mempunyai satu susunan pentadbiran yang teratur bagi menjalankan rancangan-rancangan pembangunan Luar Bandar. Susunan pentadbiran ini adalah sedia hendak memulai menjalankan rancangan-rancangan kita.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang baharu ini ialah termasuk dalam tanggungan Perdana Menteri. Kebanyakan Jabatan yang berkenaan dengan hal ehwal kemakmuran dan kebajikan orang-orang di luar bandar adalah di bawah jagaannya, dan saya sebagai Timbalan Perdana Menteri adalah sebenar-benar bertanggungjawab di atas perkara menjalankan segala dasar-dasar yang berkenaan dengan pembangunan luar bandar. Kementerian ini akan menyatukan segala usaha pembangunan luar bandar dan akan menjalankan tanggungnya di bawah kuasa Perdana Menteri. Kementerian inilah pusat perancang langkah-langkah yang hendak diambil untuk melaksanakan dasar Kerajaan yang penting itu, dan dari Kementerian inilah akan dikeluarkan perintah-perintah dari satu masa ke satu masa kepada semua Pejabat-pejabat Kerajaan yang berkenaan supaya segala tenaga yang ada dapat digunakan untuk mencapai tujuan kita hendak membaiki keadaan hidup penduduk-penduduk di kampung-kampung itu. Saya suka menegaskan lagi di sini bahawa Kerajaan mensifatkan usaha pembangunan luar bandar ini sebagai kerja darurat. Oleh itu Kerajaan berazam hendak menjalankan rancangan-rancangan dengan bersungguh-sungguh sebagaimana yang telah dijalankan pada masa kita menghadapi darurat, dan Kerajaan berkehendakkan kejayaan dengan seberapa segera yang boleh.

Sekarang setelah diatur jentera perkhidmatan bagi melancarkan rancangan pembangunan luar bandar, maka mustahaklah dijalankan langkah yang kedua, iaitu mengadakan rancangan yang teratur. Baru-baru ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini telah mengistiharkan Buku Merah, iaitu rancangan tindakan yang

telahpun dihantarkan kepada Jajahan-jajahan di seluruh Tanah Melayu. Di dalam Buku Merah ini adalah bergantung semua sekali perkara-perkara yang dikehendaki Jawatankuasa Jajahan menjalankan untuk mengadakan rancangan-rancangan teratur bagi kemajuan di kawasan masing-masing. Pada fikiran saya sangatlah mustahak kita mengadakan satu "Plan" atau rancangan yang teratur sebelum kita memulakan pekerjaan kita. Hanyalah dengan adanya rancangan yang teratur seperti itu baharulah pekerjaan kita dapat dijalankan dengan licin dan sempurna. Tiap-tiap Jawatankuasa Jajahan adalah dikehendaki mengisi Buku Merah ini, iaitu menentukan apa-apa rancangan-rancangan yang dikehendaki dijalankan di kawasan masing-masing bagi membaiki keadaan hidup penduduk-penduduknya di kawasan itu. Rancangan-rancangan itu hendaklah disediakan dengan seberapa segera yang boleh kerana Kerajaan bercadang hendak mengistiharkan rancangan 5 tahun yang kedua tidak berapa lama lagi dan Kerajaan berharap setengah-setengah daripada rancangan-rancangan yang terkandung dalam Buku Merah itu dapat dimasukkan dalam rancangan Kemajuan 5 tahun itu.

Rancangan kemajuan luar bandar ini adalah terbahagi kepada 2 bahagian. Yang pertamanya ialah rancangan kemajuan tanah. Kerajaan cukup sedar bahawa ada sebahagian besar rakyat dalam Negeri ini hendak mencari nafkah hidup mereka itu dengan perusahaannya tanah. Tetapi mereka itu tidak mempunyai tanah ataupun mempunyai tanah yang tidak mencukupi bagi mereka itu untuk mencari nafkah hidup. Oleh itu Kerajaan Persekutuan dengan bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju hendak memberi tanah kepada mereka itu yang cukup luasnya bagi mereka mencari nafkah. Bagi melaksanakan tujuan ini Kerajaan Persekutuan telah mengadakan Lembaga Kemajuan Tanah, dan Lembaga ini telahpun menjalankan beberapa rancangan-rancangan kemajuan tanah dengan mendatangkan hasil yang memuaskan hati. Dan lagi bagi menambahkan tenaga Lembaga ini Kerajaan telah mengadakan satu undang-undang baharu yang dinamakan Undang-undang Membuka Tanah Baharu cara Berkumpul atau "Group Settlement Area Bill". Undang-undang ini membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri membuka rancangan tanah dengan peraturan yang kemas dan segera boleh mendatangkan hasil. Dengan cara yang tersebut ini Kerajaan berharap dapat memuaskan hati kehendak rakyat berkenaan dengan rancangan Kemajuan Tanah. Bahagian yang

kedua dalam pembangunan luar bandar ini ialah rancangan-rancangan kemajuan bagi kawasan-kawasan luar bandar seperti membuat jalan-jalan raya, jambatan-jambatan dan mengadakan berbagai-bagai keperluan hidup yang difikirkan mustahak bagi penduduk-penduduk di kampung-kampung mengikut peredaran zaman. Rancangan-rancangan ini akan dijalankan dengan seberapa segera yang boleh dan dengan menggunakan sepenuhnya tenaga Kerajaan.

Dengan peraturan dan cara-cara yang tersebut itu saya yakin dan percayalah rancangan Kemajuan Luar Bandar Kerajaan yang penting ini dapat dihasilkan dengan sempurna. Akan tetapi seperti saya telah sebutkan kerap kali bahawa rancangan Kerajaan ini bergantung kepada 3 perkara. Yang pertamanya bergantung kepada dasar Kerajaan yang sempurna dan jentera Kerajaan yang sempurna; yang kedua bergantung kepada rancangan-rancangan yang kemas dan teratur. Dan yang ketiga bergantung kepada keazaman tiap-tiap orang di kampung-kampung sendiri, berusaha dan bertenaga bersungguh-sungguh menjayakan tanah-tanah ataupun perusahaan-perusahaan masing-masing. Perkara yang pertama dan kedua itu Kerajaan telahpun jalankan dan Kerajaan berazam untuk menumpukan sepenuh tenaga bagi memajukan rancangan ini. Oleh itu saya berharap pada tuan-tuan semua akan berazam juga mengambil bahagian masing-masing di dalam rancangan yang penting dan mustahak ini. Cara seseorang boleh membantu bagi menjalankan rancangan ini ialah memajukan perusahaan masing-masing. Kemajuan seseorang itu bergantunglah kepada usaha tenaga dan titik peluhnya sendiri. Oleh itu marilah kita bersama-sama berusaha dan bertenaga menjalankan rancangan Kerajaan ini supaya dapat kita menjadikan Persekutuan Tanah Melayu sebuah Negara yang lebih makmur, lebih baik dan lebih aman.